

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2016**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha pembaikan yang telah diambil terhadap 1MDB selepas pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kewangan melalui siaran media di laman web rasminya pada 4 Mei 2016 telah mengumumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) sebagai pemegang saham 100% 1MDB telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah

dibuat oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 44**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah laporan muktamad mengenai nahas pesawat MH370 akan dimasyhurkan mengikut ketetapan *Annex 13, Chicago Convention* yang dikelolakan oleh ICAO.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pasukan penyiasat *Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370* telah mengeluarkan *Interim Statement* pada ulang tahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatan awal siasatan. Pada masa yang sama, operasi pencarian pesawat MH370 masih diteruskan bagi melengkapkan pencarian di dalam kawasan seluas 120,000 km persegi.